

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 26.06.2024 MASA: 12.28 PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN** **YANG BERBAHAGIA DATUK BANDAR** **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA** **MAJLIS ANGKAT SUMPAN PENERIMAAN JAWATAN** **DATUK BANDAR**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**26 JUN 2024 (RABU)**  
**2.30 PETANG**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Dato' Haji Rosli Bin Isa**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau  
Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &  
Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berbahagia Tuan Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**  
Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Segala puji bagi Allah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat dam limpahnya kita dapat bersama-sama dengan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada hari ini dan juga kepada rakan rakan daripada pelbagai latar belakang.
2. Terima Kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di atas kepercayaan untuk saya menggalas tanggungjawab ini.
3. Setelah hampir 26 tahun bertugas di MBSP, pelantikan saya sebagai Datuk Bandar bukan sahaja satu penghormatan tetapi juga satu tanggungjawab dan amanah yang amat besar untuk menerajui sebuah Pihak Berkuasa Tempatan.

4. Walaupun dalam pelbagai kekangan, masalah, cabaran mahupun secara dalaman atau luaran, ini merupakan kesempatan terbaik untuk kita lakukan perubahan dan anjakan. Pada saya, bekerja ini bukan hanya sebagai punca rezeki kita bahkan ianya merupakan satu ibadah. Ibadah yang pada saya adalah kebaikan yang kita buat untuk kebahagiaan dan kemakmuran masyarakat sejagat. Tiada siapa yang patut ditinggalkan di belakang “*No One Should Be Left Behind*” .
  
5. Tidak terkecuali di dalam konteks sesebuah organisasi, setiap keringat atau usaha setiap kakitangan itu harus diangkat kerana ia merupakan sebahagian daripada kejayaan organisasi dan diri kita sendiri bila mana kita diangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Saya berharap kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang hebat dan harmoni bersama-sama Ahli-Ahli Majlis.
  
6. Bekerjalah mengikut jabatan, dengan peraturan dan undang-undang bersama kawalan dan disiplin agar kita bekerja di landasan yang betul dan tidak tersasar. Perkara ini selari dengan semangat dalam pasukan dari segi soal pertanggungjawaban, integriti dan amanah yang mana ianya perlu sehati dalam diri kita sebagai penjawat awam.

7. Saya sebagai Datuk Bandar yang baru dilantik, mengalu-alukan cadangan atau pendapat daripada semua Ahli-Ahli Majlis, kakitangan dan seluruh warga MBSP untuk kebaikan dan kecemerlangan Seberang Perai. Saya memahami dan bersedia bahawa perkembangan baru masa kini perlu dilihat. Ketua-Ketua Jabatan perlu berfikir ke hadapan dan memecahkan tembok atau halangan halangan sistem lama yang masih digunapakai daripada semua segi. Percayalah, kita tidak akan berjaya jika masih ditampok lama. Masyarakat semakin ke hadapan, kehendak dan permintaan terhadap perkhidmatan dan gaya hidup yang lebih baik semakin tinggi. Dengan perkembangan teknologi dan transformasi digital yang semakin rancak, membuatkan kita terpaksa mencana atau meneroka kaedah-kaedah baru dan cara terbaik untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Saya dan MBSP akan tetap meneruskan usaha menambahbaik Agenda Transformasi Digital MBSP dan akan menjadikan MBSP sebuah organisasi **Services – Ready, Action Oriented**.
8. Saya yakin dan percaya dengan Persijilan dan pencapaian yang diperolehi oleh MBSP selama ini, kita dapat membuktikan bahawa kita boleh mengorak langkah seiring dengan peredaran zaman. Visi Penang2030 yang diketengahkan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow juga akan terus menjadi nadi bagi

menyusun strategi dan garis panduan baru Majlis yang lebih bersifat pro aktif dan mesra rakyat. Dan dalam masa yang sama, saya akan terus menumpukan kepada tiga perkara utama iaitu dalam aspek Pembersihan, Penguatkuasaan dan Peningkatan Hasil bagi MBSP.

9. Saya ingin ketengahkan konsep *Back To Basic*, di mana kita kembali melihat hakiki tanggungjawab sebuah Pihak berkuasa Tempatan. Isu pembersihan, penguatkuasaan dan hasil adalah cabaran utama yang perlu dititikberatkan. Sekiranya ketiga-tiga cabaran ini dapat dilaksanakan dengan baik, ia akan membawa kepada "*Community Satisfaction*".
  
10. Pada hari yang berbahagia ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Mantan Datuk Bandar MBSP iaitu Yang Berhormat Dato' Azhar Bin Haji Arshad di atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka berkuatkuasa pada 24 Jun 2024 yang lalu. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala usaha dan bakti beliau terhadap kecemerlangan MBSP. Pertukaran beliau satu kehilangan buat MBSP tetapi merupakan satu anugerah buat Kerajaan Negeri Melaka.

Semoga beliau akan terus cemerlang menerajui Kerajaan Negeri Melaka.

11. Akhir kata, saya berdoa agar saya diberi kesihatan yang baik dan kekuatan bagi meneruskan legasi ini demi kecemerlangan dan kemakmuran penduduk Seberang Perai. MBSP akan terus berusaha mentransformasikan Seberang Perai menjadi bandaraya berdaya tahan dan memastikan Seberang Perai kental daripada sebarang gangguan ekologi, ekonomi mahupun sosial dan seterusnya menjadi sebuah bandaraya yang berdaya tahan, berdaya huni serta bersifat lestari.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***